كمنترين كبودايءن، بليا دان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



جانڬ
CANANG

Februari 2026

SIDANG EDITORIAL CANANG

Penasihat:
Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Pengerusi:
Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

Pengarang/Sumber Berita:
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penerangan

Susun Atur dan Penyelaras:
Unit Perhubungan Awam
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Penyunting:
Yang Mulia Dayang Dr. Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

Pruf dan Penyemakan:
Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abdul Wahab
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Fotografi:
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat

Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:
Jabatan Penerangan

Dalam bulan Ramadhan yang mulia ini, nikmat kesihatan menjadi asas untuk kita melaksanakan ibadah puasa dan amal kebajikan dengan penuh keikhlasan, sekali gus mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Menjaga kesihatan diri bermakna kita juga menjaga kesejahteraan keluarga dan masyarakat, kerana tubuh yang sihat memberi ruang untuk kita terus berbakti dan menyumbang kepada pembangunan bangsa serta kesejahteraan ummah.

Ramadhan ialah masa untuk kita mengumpul segala ganjaran pahala. Marilah kita sama-sama berazam untuk memakmurkan Ramadhan dengan ibadat puasa dan lain-lain ibadat seperti bertadarus Al-Qur'an, Sembahyang Tarawih dan Qiamullail, di samping menjaga kesihatan melalui pemakanan sihat. Bulan ini juga mengajar kita kesederhanaan, apabila kita menjauhi pembaziran, nikmat yang ada dapat dimanfaatkan untuk memberi dan berkongsi dengan mereka yang memerlukan.

Untuk mengimarahkan bulan Ramadhan, seperti kelazimannya Beta menyeru agar semua pihak di peringkat kementerian, jabatan dan sektor swasta serta seluruh masyarakat untuk mengisikan masa dengan beramal ibadat dan memperbanyakkan aktiviti keagamaan dan amal jariah.

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin,
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena Menyambut Awal Bulan Ramadan
Bagi Tahun 1447H/2026M dan Titah Perutusan Khas Penghargaan dan Terima Kasih



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIN SA'ADUL KHAIRI WADDIN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERADUAN FOTOGRAFI SEMPENA MALAM GEMILANG UBD DRONE SHOW	7
PERKHIDMATAN: BUDI PEKERTI, TUTURAN HATI	9
KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA TYT MICHAEL HOY, PESURUHJAYA TINGGI AUSTRALIA	11
KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA MAJLIS BELIA BRUNEI	12
MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA	14
KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA ROMBONGAN PIHAK PENGURUSAN INTERNATIONAL SCHOOL BRUNEI (ISB)	15
SIDANG MEDIA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE-42, TAHUN 2026	16
MAJLIS PENYAMPAIAN KURMA KURNIA PERIBADI KDYMM SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NBD SEMPENA BULAN RAMADAN 1447/2026	19
MAJLIS PELANCARAN SMS BRUNEI PRIHATIN UNTUK TABUNG ANAK-ANAK YATIM 1447/2026	21
UPACARA MENAIKKAN BENDERA BESAR SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE-42, TAHUN 2026	22
MAJLIS PENGHARGAAN PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK DAN ANUGERAH PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK CEMERLANG	24
MAJLIS PENYERAHAN PROGRAM KONGSI REZEKI KEPADA ASNAF (FAKIR DAN MISKIN) KAMPUNG KILANAS	25
MAJLIS PERASMIAN PROJEK GIANT ARTWORK 42	26

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

MAJLIS KESYUKURAN SEMBAHYANG FARDHU ZOHOR BERJEMAAH, MEMBACA SURAH YASIN DAN DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE-42, TAHUN 2026	27
MUNAJAT KHAS ANJURAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KALI KE-220 DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	31
MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA KEPADA ANAK-ANAK YATIM PERINGKAT KEBANGSAAN 1447/2026	33
FORUM KHAS SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-42, TAHUN 2026	35
UPACARA MENURUNKAN BENDERA BESAR SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE42, TAHUN 2026	37
MAJLIS BERTADARUS AL-QURAN DI MASJID-MASJID BAGI KKBS DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA	38

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERADUAN FOTOGRAFI SEMPENA MALAM GEMILANG UBD DRONE SHOW











MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERADUAN FOTOGRAFI SEMPENA MALAM GEMILANG UBD DRONE SHOW

BERAKAS, Ahad, 13 Syaaban 1447/1 Februari 2026 – Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan telah menganjurkan Peraduan Fotografi Sempena Malam Gemilang UBD Drone Show dengan mengangkat tema "Persembahan Dron dan Bunga Api di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan Persembahan Bunga Api di Jerudong Park Garden". Pengungkayahan peraduan ini merupakan salah satu platform kreatif yang menyediakan peluang kepada individu untuk mengekspresikan pandangan dan emosi melalui medium visual dan penulisan, seterusnya memperluas apresiasi seni serta melahirkan bakat baharu yang berpotensi diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Majlis Penyampaian Hadiah bagi para pemenang peraduan tersebut diadakan di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis bagi menyempurnakan penyampaian hadiah dan cenderamata serta sijil penghargaan kepada para pemenang, panel hakim dan rakan korporat (penaja) ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Johan bagi Kategori A (Umum) ialah Awang Mohammad Suffri bin Awang Osman; naib johan, Dayang Nurin Nabilah binti Ismail; dan pemenang tempat ketiga, Awang Ahmad Faisaldin bin Haji Awang Tuah.

Manakala johan bagi Kategori B (Sajak Potret) ialah Awang Nurhazmie bin Haji Razali; naib johan, Dayang Siti Nur Azra Basyirah binti Alias; dan pemenang tempat ketiga, Dayang Siti Radiah binti Haji Ahim.

PERKHIDMATAN: BUDI PEKERTI, TUTURAN HATI



PERKHIDMATAN: BUDI PEKERTI, TUTURAN HATI









BERAKAS, Isnin, 14 Syaaban 1447/2 Februari 2026 – Program Pembangunan Kapasiti Pegawai & Kakitangan Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah diadakan selama dua (2) hari di Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah melalui program "Perkhidmatan: Budi Pekerti, Tuturan Hati". Bengkel disampaikan oleh fasilitator jemputan dari Singapura, Yang Mulia Tengku Sri Indra, S E Asia's Leading Professional Trainer & Coach.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan serta kualiti pemberian perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan, khususnya Bahagian dan Jabatan di bawah Kementerian ini yang sentiasa berurusan secara langsung dengan orang awam.

Program ini akan memberi tumpuan kepada usaha mempertingkat kemahiran penyampaian perkhidmatan: Budi Pekerti, Tuturan Hati dalam kalangan petugas barisan hadapan dengan menekankan aspek pemikiran mesra pelanggan, profesionalisme serta keupayaan mengendalikan interaksi dengan pelanggan secara berhemah dan berkesan.

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA TUAN YANG TERUTAMA MICHAEL HOY, PESURUHJAYA TINGGI AUSTRALIA



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Syaaban 1447/5 Februari 2026 – Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Michael Hoy, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Brunei Darussalam.

Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), dan Yang Mulia Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abd Hamid, Pengarah Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarbangsa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA MAJLIS BELIA BRUNEI





BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Syaaban 1447 / 7 Februari 2026 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada Majlis Belia Brunei. Rombongan diketuai oleh Yang Di-Pertua Majlis Belia Brunei, Yang Mulia Dayang Nurul Izyan Anver.

Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Yang Mulia Dayang Hajah Umi Khalthum binti Haji Abdul Karim, Pengarah Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dayang Siti Hadinawati binti Haji Abd Majid, Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA MAJLIS BELIA BRUNEI







MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Syaaban 1447/ 10 Februari 2026 - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menyalurkan bantuan kewangan berjumlah keseluruhan BND29,975.00 (Dolar Brunei: Dua Puluh Sembilan Ribu Sembilan Ratus Tujuh Puluh Lima) kepada Sembilan belas (19) orang ketua keluarga. Majlis berlangsung di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Pemberian bantuan kewangan ini adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana demi kesejahteraan mereka sekeluarga. Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.



Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Pemangku Pengarah JAPEM selaku Pengerusi Majlis.

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA ROMBONGAN PIHAK PENGURUSAN INTERNATIONAL SCHOOL BRUNEI (ISB)







BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Syaaban 1447/ 10 Februari 2026 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada Rombongan Pihak Pengurusan International School Brunei (ISB).

Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

SIDANG MEDIA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE-42, TAHUN 2026





BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Syaaban 1447/ 11 Februari 2026 - Majlis Utama Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42 akan diraikan dengan Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Zohor Berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran, yang akan diadakan secara serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Satu Sidang Media mengenai persediaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 telah diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin bin Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; bersama-sama Yang Mulia Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan; dan Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, selaku Setiausaha-Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 telah mengongsikan maklumat-maklumat mengenai acara-acara utama dan acara-acara sampingan serta persiapan-persiapan yang akan dilaksanakan bagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026.

Sidang Media telah diselajurkan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang logo iaitu Yang Mulia Awang Mohd Aizuddin bin Mohd Din dan seterusnya penyerahan poster Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 kepada ahli Panel, Pegawai Perhubungan Awam Kementerian-Kementerian, termasuk Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta rakan media.

SIDANG MEDIA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE-42, TAHUN 2026











MAJLIS PENYAMPAIAN KURMA KURNIA PERIBADI KDYMM SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NBD SEMPENA BULAN RAMADAN 1447/2026











MAJLIS PENYAMPAIAN KURMA KURNIA PERIBADI KDYMM SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NBD SEMPENA BULAN RAMADAN 1447/2026

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Syaaban 1447/ 11 Februari 2026 – Majlis Penyampaian Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Bulan Ramadan 1447/2026 kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya telah diadakan pada hari ini di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir bagi menyempurnakan majlis, Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) selaku tetamu kehormat majlis.

Sebanyak 6,852 kotak kecil kurma diagihkan kepada pegawai dan kakitangan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya termasuk untuk ahli-ahli keluarga masing-masing.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Khas bagi Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Mulia Awang Muhammad Nabil bin Haji Roslan, Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

MAJLIS PELANCARAN SMS BRUNEI PRIHATIN UNTUK TABUNG ANAK-ANAK YATIM 1447/2026

BERAKAS, Khamis, 24 Syaaban 1447/ 12 Februari 2026 - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB), Datastream Digital Sendirian Berhad (DST), Progresif Sendirian Berhad dan Imagine Sendirian Berhad telah melancarkan SMS Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-Anak Yatim 1447/2026 hari ini bertempat di Bilik Simpur, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kutipan derma melalui SMS yang dilancarkan pada hari ini akan berlangsung selama sembilan (9) bulan bermula 12 Februari 2026 dan berakhir pada 12 November 2026.

Majlis juga diselajurkan dengan penyerahan derma hasil kutipan SMS Brunei Prihatin yang dikumpulkan pada tahun 1446H/2025M daripada syarikat-syarikat telekomunikasi kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Seterusnya majlis diselajurkan dengan penyampaian surat penganugerahan Program Biasiswa Anak Yatim Sesi 5, bagi tahun 2026/2027 kepada dua orang anak yatim yang terpilih mengikuti Program BIBD Alaf iaitu Yang Mulia Baby Nur Syahiezah Fazillah binti Mohammad Yussof/Norariffin, pelajar Tahun 7, Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al Khattab dan Yang Mulia Nur Sabrina binti Omara, pelajar Tahun 9 daripada Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Peserta yang mengikuti pembelajaran melalui Program BIBD Alaf ini akan dibiayai melalui Tabung Anak-anak Yatim di bawah kendalian JAPEM. Program ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2022 dan dihasratkan untuk meningkatkan impak serta objektif Tabung Anak-Anak Yatim, dimana sumbangan derma dari orang ramai juga akan disalurkan bagi membiayai pembelajaran Program Biasiswa Anak Yatim melalui Program BIBD Alaf, sehingga tamat peperiksaan GCE 'O' level.











UPACARA MENAIKKAN BENDERA BESAR SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE-42, TAHUN 2026

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Syaaban 1447 / 14 Februari 2026 – Upacara menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam yang menandakan bermulanya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026, telah diadakan di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan. Hadir selaku Tetamu Kehormat di upacara tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026.

Penyempurnaan Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara telah diiringi dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam "Allah Peliharakan Sultan" oleh kumpulan koir yang dianggotai oleh 42 orang penuntut dari Sekolah Menengah Berakas serta diiringi oleh Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei.







UPACARA MENAIKKAN BENDERA BESAR SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE-42, TAHUN 2026



Majlis diteruskan dengan lafaz Ikrar Hari Kebangsaan seramai 42 orang yang dikepalai oleh Yang Mulia Awang Haji Amir Shukri bin Haji Zawawi, Pegawai Kaunselor Kanan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri dan laungan takbir 'Allahuakbar' dilaungkan sebanyak tiga kali oleh Yang Mulia Awangku Muhammad Abdul Qadir bin Pengiran Haji Ibrahim, Imam Tingkat I, Masjid Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis ini juga dimeriahkan dengan dua (2) buah lagu patriotik “Berkibarlah Bendera" dan “Bersatu Mencapai Cita Negara" diiringi dengan kibaran bendera kecil oleh seramai 142 orang penuntut dari Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah (STAHB), Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam dan Pandu Puteri Brunei Darussalam.

Di akhir upacara, majlis telah disempurnakan dengan penyampaian bendera-bendera negara bersaiz sederhana dan poster-poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 kepada Pegawai-Pegawai Daerah bagi keempat-empat daerah.



MAJLIS PENGHARGAAN PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK DAN ANUGERAH PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK CEMERLANG



JERUDONG, Sabtu, 26 Syaaban 1447/ 14 Februari 2026 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat telah mengadakan Majlis Penghargaan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak dan Anugerah Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Cemerlang sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia Tahun 1447H/2025M, bertempat di The Empire Brunei.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis diteruskan dengan pengumuman dan penyampaian Anugerah Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Cemerlang 2025, yang dianugerahkan kepada pusat yang mencapai markah keseluruhan tertinggi berdasarkan kriteria wajib dan kriteria tambahan. Anugerah tersebut telah dimenangi oleh Hanis Montessori, Cawangan Jerudong, yang menerima wang tunai berjumlah BND1,000.00 (Dolar Brunei: Satu Ribu) berserta plak penghargaan sebagai pengiktirafan atas kecemerlangan pusat berkenaan.



MAJLIS PENYERAHAN PROGRAM KONGSI REZEKI KEPADA ASNAF (FAKIR DAN MISKIN) KAMPUNG KILANAS



KILANAS, Ahad, 27 Syaaban 1447 / 15 Februari 2026 - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kilanas menganjurkan Majlis Penyerahan Program Kongsi Rezeki kepada Asnaf (Fakir dan Miskin) khusus bagi penduduk Kampung Kilanas. Majlis juga diteruskan dengan Majlis Khatam Al-Quran bagi Masjid Kampung Kilanas dan Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung bagi Kampung Kilanas sempena menyambut bulan Ramadan 1447H yang akan tiba.



Tetamu Kehormat bagi Majlis ini ialah, Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.



Hadir bersama ialah Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Ahli Mesyuarat Negera, Penghulu Mukim Lumapas, Penghulu Mukim Kilanas, Ketua Kampung Kilanas, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Kilanas dan penduduk-penduduk kampung.

MAJLIS PERASMIAN PROJEK GIANT ARTWORK 42

BERAKAS, Isnin, 28 Syaaban 1447/16 Februari 2026 – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan projek Giant Artwork 42 bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42. Majlis ini diadakan di Hub Belia, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Projek ini sebelumnya dikenali sebagai Hashtag Negara Brunei Darussalam yang telah mula dilaksanakan sejak tahun 2019 dan menjadi antara elemen dekorasi seni utama dalam memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsafelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat majlis.









MAJLIS KESYUKURAN SEMBAHYANG FARDHU ZOHOR BERJEMAAH, MEMBACA SURAH YASIN DAN DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE-42, TAHUN 2026



KIARONG, Isnin, 05 Ramadan 1447/23 Februari 2026 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardhu Zohor Berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong.

Berangkat sama ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

MAJLIS KESYUKURAN SEMBAHYANG FARDHU ZOHOR BERJEMAAH, MEMBACA SURAH YASIN DAN DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE-42, TAHUN 2026

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri serta Kerabat Diraja dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026; Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan; Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.





MAJLIS KESYUKURAN SEMBAHYANG FARDHU ZOHOR BERJEMAAH, MEMBACA SURAH YASIN DAN DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE-42, TAHUN 2026









MAJLIS KESYUKURAN SEMBAHYANG FARDHU ZOHOR BERJEMAAH, MEMBACA SURAH YASIN DAN DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE-42, TAHUN 2026



Di Daerah Belait, masjid tumpuan utama ialah Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait. Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.



Di Daerah Tutong, majlis diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong. Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan.



Manakala Daerah Temburong, di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar. Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

MUNAJAT KHAS ANJURAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KALI KE-220 DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN






NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, Selasa, 06 Ramadan 1447 / 24 Februari 2026 - Munajat Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-220 dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 yang diadakan secara fizikal pada pagi tadi dengan tumpuan utama majlis di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Hadir sama ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh; Menteri Pendidikan; dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Munajat Khas tersebut turut diadakan secara serentak di masjid-masjid utama di keempat-empat daerah sebagai tumpuan utama majlis.

MUNAJAT KHAS ANJURAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KALI KE-220 DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bagi Daerah Belait, di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait. Hadir sama ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan.

Di Daerah Tutong, Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong. Hadir ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Manakala Daerah Temburong, di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar. Hadir, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd.Yusof, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.









MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA KEPADA ANAK-ANAK YATIM PERINGKAT KEBANGSAAN 1447/2026



JERUDONG, Rabu, 7 Ramadan 1447 / 25 Februari 2026 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) telah mengadakan majlis penyampaian derma kepada anak-anak yatim peringkat kebangsaan hari ini bertempat di Dewan Dar-Al Intisar, Kompleks Sukan Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat bersama bagi menyampaikan derma ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Islam Brunei Darussalam dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis seterusnya menyaksikan penyampaian Skim Hadiah Galakan Pelajar-pelajar Cemerlang yang disumbangkan oleh BIBD. Pada tahun ini seramai 12 orang anak-anak yatim yang telah mendapat keputusan yang cemerlang dalam Peringkat 'O', Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB), Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) dan Peperiksaan Sekolah Rendah (PSR) pada tahun 2025 menerima hadiah galakan. Hadiah-hadiah tersebut disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Islam Brunei Darussalam.

MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA KEPADA ANAK-ANAK YATIM PERINGKAT KEBANGSAAN 1447/2026





Majlis kemudian diikuti dengan penyampaian sampul-sampul derma kepada 3,061 orang anak-anak yatim yang berdaftar di bawah JAPEM oleh tetamu kehormat bersama.

Daripada jumlah tersebut, seramai:
- 1,998 orang adalah anak yatim yang berdaftar di Daerah Brunei dan Muara;
- 479 orang anak yatim berdaftar di Daerah Tutong;
- 446 orang anak yatim berdaftar di Daerah Belait dan;
- 138 orang anak yatim yang berdaftar di Daerah Temburong.

Sumbangan derma tersebut bolehlah dihulurkan melalui kaedah berikut:

- Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa waktu pejabat sahaja, atau;

- Melalui sistem pesanan ringkas (SMS) Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-Anak Yatim yang berlangsung selama 9 bulan mulai 12 Februari 2026 hingga 12 November 2026 dengan menaip YATIM (tanpa jarak) dan diikuti dengan jumlah yang hendak didermakan iaitu, 1, 5, 10, 15, 20, 50 atau 100. Sebagai contoh YATIM20 (bagi derma berjumlah BS20) dan hantar kepada 38111 bagi pelanggan DST dan Progresif dan bagi pelanggan Imagine hantar kepada 39999; atau

- Melalui BIBD online atau memasukkan derma ke nombor akaun 0000-101-004-9034 di bawah nama akaun “Tabung Anak-Anak Yatim".

FORUM KHAS SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-42, TAHUN 2026



TUNGKU LINK, Rabu, 7 Ramadan 1447 / 25 Februari 2026 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan selaku penganjur bersama pada hari ini telah mengadakan Forum Khas Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Menteri Pendidikan.

Turut hadir semasa forum khas tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi-Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026.

Antara tujuan forum khas ini diadakan adalah untuk menyemai aspirasi kemerdekaan bagi memastikan generasi masa kini memahami makna kedaulatan negara dengan lebih mendalam. Selain itu, forum khas ini turut memberi penekanan kepada Wawasan 2035 dengan mengetengahkan perjalanan pembangunan ekonomi, sosial, dan kerohanian negara, di samping memperkasa generasi baharu dalam memupuk semangat patriotisme serta penghargaan terhadap kemajuan yang telah dicapai.

FORUM KHAS SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-42, TAHUN 2026













UPACARA MENURUNKAN BENDERA BESAR SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE-42, TAHUN 2026



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Ramadan 1447/ 25 Februari 2026 – Upacara Menurunkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam yang diadakan pada hari ini menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera di seluruh negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026. Upacara ini diadakan di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis bagi menyempurnakan upacara tersebut ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026.









MAJLIS BERTADARUS AL-QURAN DI MASJID-MASJID BAGI KKBS DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA









DAERAH BRUNEI DAN MUARA, Khamis, 08 Ramadan 1447/ 26 Februari 2026 – Dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Bertadarus Al-Quran di Masjid Kampong Pulaie, Daerah Brunei dan Muara.

Majlis ini dikendalikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Sejarah Brunei dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid, Masjid Kampong Pulaie, Daerah Brunei dan Muara.

Majlis Tadarus Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Jabatan, Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya dan para jemaah Masjid Kampong Pulaie, Daerah Brunei dan Muara.

E-POSTER SEMPENA BULAN RAMADAN 1447H/2026M









E-POSTER SEMPENA MENYAMBUT ULANG TAHUN PUJA USIA DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, MENTERI KANAN DI JABATAN PERDANA MENTERI, YANG KE-52 TAHUN











E-POSTER SEMPENA UPACARA MENAIKKAN BENDERA SEMPENA MENYAMBUT ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE-42 TAHUN 2026M



E-POSTER SEMPENA MENYAMBUT ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE-42 TAHUN 2026M



كمنترين كبودايأن، بليا دان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
E-mel: Info@kkbs.gov.bn
Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn
Instagram: @kkbs_brunei
Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan